

8.9.2020

**KENYATAAN MEDIA OLEH  
DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP**

## **PWSI 2050: PELAN KONTINGENSI PULAU PINANG UNTUK MENANGANI RISIKO AIR MENTAH**

- **Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) belum dilaksanakan, dan Sungai Muda hanya dapat memenuhi keperluan air mentah Pulau Pinang dan Kedah sehingga tahun 2025.**

PULAU PINANG, Selasa, 8.9.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), anak syarikat utama PBA HOLDINGS BHD (PBAHB), telah merumuskan pelan kontingensi untuk menangani risiko air mentah Pulau Pinang.

Pelan kontingensi ini perlu kerana 3 faktor utama:

- Perubahan iklim telah mengubah corak hujan di Pulau Pinang. Amat ketara, kekurangan hujan pada tahun 2019 telah mengurangkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang, sehingga mengancam keselamatan bekalan air di Pulau Pinang.

Walaupun PBAPP terus membekalkan air kepada semua pengguna setakat ini pada tahun 2020, kita tidak dapat meramalkan dengan tepat kesan perubahan iklim pada tahun 2021 dan seterusnya.

- Dijangkakan Sungai Muda hanya dapat memenuhi keperluan air mentah kedua-dua Pulau Pinang dan Kedah hingga tahun 2025.

Lebih-lebih lagi, isu pembalakan di Ulu Muda, kawasan tadahan air Sungai Muda di Kedah, muncul kembali pada tahun 2020.

- Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) belum dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Sehingga kini, perbincangan langsung dengan Perak telah menemui jalan buntu.

Pulau Pinang mahu membeli air mentah tetapi Perak berhasrat menjual air terawat.

Perak telah membuat cadangan balas kepada Pulau Pinang untuk pelaburan bersama di loji rawatan air (LRA) baharu milik bersama dan diuruskan bersama di Perak yang akan secara eksklusif merawat air mentah dari Sungai Perak untuk digunakan di Perak Utara dan Pulau Pinang. LRA yang dicadangkan ini akan menjadi kemudahan besar kerana ia perlu menguruskan air yang mencukupi untuk dua negeri sekaligus.

Perlu diingatkan Lembaga Air Perak (LAP) dan PBAPP adalah dua operator bekalan air individu yang memberi khidmat kepada dua negeri yang berbeza. Cadangan balas Perak akan memaksa LAP dan PBAPP untuk mengurus bersama satu loji rawatan air di Perak. Ini adalah pendekatan yang belum pernah terjadi sebelum ini di Malaysia. Ini mungkin menyebabkan isu dan masalah lain yang tidak perlu, yang timbul dari perbezaan dasar bekalan air, keutamaan dan permintaan air di Perak dan Pulau Pinang.

PBAPP tidak akan mempunyai kawalan penuh terhadap operasi LRA di Perak, dan dengan itu, tidak akan dapat mengendalikan kerja-kerja rawatan air dengan cara yang spesifik untuk menangani keperluan air di Pulau Pinang.

Sebaliknya, SPRWTS adalah penyelesaian “air mentah” yang akan membolehkan LAP dan PBAPP terus beroperasi secara individu, sesuai *status quo*, untuk memenuhi keperluan air spesifik di Perak Utara dan Pulau Pinang menjelang 2050.

Inilah sebabnya semua projek penyaluran air berskala besar di Malaysia, seperti skim Johor-Melaka dan Pahang-Selangor, adalah skim air mentah, dan bukan skim air terawat.

Berdasarkan unjuran 2009, SPRWTS akan mengambil masa 7 tahun untuk disiapkan dan beroperasi. Sekiranya projek ini dilaksanakan dari 2021, ia mungkin beroperasi mulai tahun 2027. Walau bagaimanapun, Pulau Pinang mungkin menghadapi kekurangan air mentah pada tahun 2025.

## Cadangan Projek PWSI 2050

Berikutan 3 faktor utama ini, PBAPP telah menyusun “Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050” (PWSI 2050) dengan menggariskan 3 pelan kontingensi yang akan mengurangkan risiko air mentah yang dihadapi Pulau Pinang.

Projek permulaan PWSI 2050 adalah:

**1. Pakej 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua**  
Potensi hasil: 114 juta liter sehari (JLH)

Pakej 12A membabitkan pembinaan modul rawatan air 114 MLD baharu di LRA Sungai Dua. Ini akan membolehkan PBAPP menghasilkan lebih banyak air terawat untuk memenuhi keperluan bekalan air di Pulau Pinang sehingga SPRWTS beroperasi.

**2. Skim Bekalan Air Sungai Perai (SPWSS)**  
Potensi hasil: 136 JLH

SPWSS bertujuan memanfaatkan Sungai Perai sebagai sumber air mentah tambahan untuk Pulau Pinang. Kajian kejuruteraan sebelum ini menunjukkan air mentah dari sungai ini mungkin tidak selamat dirawat dengan menggunakan teknologi rawatan air konvensional. Oleh itu, SPWSS akan meneroka kemungkinan menggunakan teknologi rawatan air alternatif untuk “merawat” air mentah dengan betul untuk penggunaan manusia.

**3. Fasa 1 Skim Penyahgaraman Bekalan Air Pulau Pinang (PDWSS)**  
Potensi hasil: 250 JLH

Fasa 1 PDWSS mencadangkan pembinaan kemudahan penyahgaraman air laut di kawasan selatan Pulau Pinang. Tujuannya adalah untuk menangani peningkatan keperluan bekalan air di Balik Pulau dan kawasan sekitarnya, serta untuk projek Penambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) menjelang tahun 2030. Fasa 1 dijadualkan beroperasi pada Disember 2024. Fasa-fasa berikutnya dapat dilaksanakan hingga 2050 memandangkan Pulau Pinang dikelilingi oleh laut, dengan akses tidak terhad kepada air laut secara teorinya.

## Pertimbangan Utama PWSI 2050

PBAPP telah melaksanakan kajian kebolehlaksanaan terhadap projek PWSI 2050 yang dicadangkannya. Kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan oleh perunding kejuruteraan bebas, dan dijadualkan selesai pada Januari 2021.

Pertimbangan utama untuk kajian kebolehlaksanaan PWSI 2050 merangkumi:

- Unjuran permintaan air yang dikemas kini di Pulau Pinang menjelang 2050 (berdasarkan data PBAPP sebenar yang direkodkan dari 2010 hingga 2019, serta unjuran permintaan air dari projek pembangunan baharu di Pulau Pinang);
- Pertimbangan garis masa untuk mengurangkan risiko air mentah menjelang 2025;
- Kebolehlaksanaan projek dan teknologi yang dicadangkan; dan
- Kos dan pilihan.

**Semua aspek projek PWSI 2050 (termasuk anggaran, masa, tender awam dan dasar pelaksanaan) akan tertakluk kepada persetujuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu.**

Perlu dinyatakan PWSI 2050 TIDAK melibatkan atau menjejaskan perkara berikut:

- Pelaksanaan SPRWTS oleh Kerajaan Persekutuan  
SPRWTS masih merupakan penyelesaian air mentah yang paling rasional, dari segi potensi hasil dan keberkesanan kos. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP akan meneruskan pelaksanaan SPRWTS kerana Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan skim sumber air mentah untuk Pulau Pinang ketika kita berhijrah ke Inisiatif Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negara (NWSRI) pada tahun 2011.
- Abstraksi air mentah dari Sungai Muda  
PBAPP masih perlu mengabstrak air mentah dari Sungai Muda setiap hari untuk memenuhi keperluan bekalan air Pulau Pinang menjelang tahun 2050 dan seterusnya. Projek SPRWTS dan PWSI 2050 akan

berfungsi sebagai sumber air mentah tambahan bagi Pulau Pinang untuk masa hadapan.

- Pemuliharaan 160,000 hektar (ha.) hutan hujan di Ulu Muda  
Ulu Muda adalah kawasan tadahan air terbesar dan terpenting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP akan terus memperjuangkan pewartaan seluas 160,000 ha. hutan hujan di Ulu Muda sebagai “kawasan tadahan air” yang kekal. Ini untuk memastikan keselamatan bekalan air bagi 4.2 juta rakyat Malaysia yang tinggal di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Saya ingin mengulangi, objektif utama PWSI 2050 adalah untuk memperkenalkan projek bekalan air tambahan yang akan membantu kita memenuhi permintaan air untuk masa hadapan.

Untuk jangka masa panjang, Pulau Pinang masih memerlukan SPRWTS, air mentah dari Sungai Muda dan pemuliharaan Ulu Muda untuk memastikan keselamatan air mentah menjelang 2050.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)